



KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN MEI 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	01.05.2022	580 Projek Perumahan 'Sakit', 51,000 Pembeli Terkesan	2
2.	01.05.2022	Selangor Negeri Tertinggi Catat Projek Sakit	3
3.	25.05.2022	SPRM Kesah Rasuah, Salah Guna Kuasa – Perolehan keperluan Kesihatan Untuk Covid-19	4
4.	27.05.2022	Bekas Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah Bersalah – Kes Palsukan Surat Kontrak Kerja Di UMS	5
5.	28.05.2022	Nilai Tanah Ditukar Lebih Rendah Banding Kos Kerja: Saksi	6
6.	28.05.2022	2 Pembantu Kesihatan Disyaki Rasuah	7
7.	28.05.2022	Gesa Audit Khas Perolehan, Perbelanjaan COVID-19	8

1 MEI 2022 | MUKA SURAT : 1

580 projek perumahan 'sakit', 51,000 pembeli terkesan

Eksklusif

Oleh Muhammad
Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 580 projek perumahan swasta di seluruh negara kini dikenal pasti bermasalah dan dikategorikan sebagai 'projek sakit' membatinkan pembinaan 102,132 unit

rumah pelbagai jenis.

Takrifan projek sakit ialah projek mengalami kelewatan melebihi 30 peratus berbanding kemajuan sepatutnya atau sudah tamat tempoh Perjanjian Jual Beli (PJB).

Statistik terbaharu yang dikeluarkan Jabatan Perumahan Negara Kementerian Peruma-

han dan Kerajaan Tempatan (KPKT), mendedahkan sehingga 31 Mac lalu daripada 3,535 projek perumahan swasta berlesen di seluruh negara, 580 adalah projek sakit membatinkan 51,000 pembeli.

Nasional 2



1 MEI 2022 | MUKA SURAT : 2

Selangor negeri tertinggi catat projek sakit

Dari Muka 1

Difahamkan, punca utama projek sakit disebabkan kekanan kewangan yang dihadapi pemaju, termasuk ketika pandemik COVID-19, selain masalah pengurusan lemah, seperti kenaikan harga bahan binaan, kekurangan pekerja dan lokasi yang kurang sesuai.

Selain memberikan data terperinci projek sakit, statistik perumahan yang dikeluarkan menerusi portal KPKT itu juga menyenaraikan kategori projek belum dimulakan, projek lancar dan yang lewat.

Selangor menjadi negeri tertinggi merekodkan projek sakit, iaitu sebanyak 134 membabitkan 26,680 unit perumahan dan 13,587 pembeli, diikuti Johor 74 projek sakit dengan 15,212 unit kediaman serta 5,320 pembeli.

Perak ketiga tertinggi dengan 72 projek, membabitkan 8,975 unit rumah dan 4,599 pembeli, diikuti 62 projek sakit direkodkan di Pahang dan Kelantan, masing-masing 6,063 unit kediaman dan 3,998 pembeli serta 6,225 rumah dan 1,749 pembeli.

Wilayah Persekutuan pula mempunyai 41 projek sakit, membabitkan 19,300 rumah dan 11,149 pembeli, diikuti Melaka mencatatkan 31 projek (6,028 rumah dan 3,151 pembeli), Negeri Sembilan dengan 29 projek (4,582 rumah dan 2,309 pembeli) serta Kedah merekodkan 28 projek (3,310 rumah dan 1,805 pembeli).

Terengganu pula mencatatkan 27 projek, membabitkan 1,665 ru-

mah dan 938 pembeli, manakala Pulau Pinang merekodkan 19 projek dengan 4,076 rumah dan 2,379 pembeli.

Perlis muncul sebagai satu-satunya negeri yang mencatatkan hanya satu projek sakit, masing-masing membabitkan 16 unit kediaman dan pembeli.

Statistik sama turut mendedahkan, sebanyak 119 daripada 3,535 projek perumahan swasta berlesen di seluruh negara dikategorikan sebagai projek lewat, membabitkan 20,075 unit rumah dan 11,105 pembeli.

Sementara itu, 284 projek belum mula, membabitkan 65,160 rumah dan 2,552 pembeli dengan Perak dan Selangor merekodkan negeri tertinggi iaitu masing-masing 49 projek, diikuti Johor (38) dan Pahang (27).

Bagi projek lancar pula, terdapat 2,552 projek disenaraikan membabitkan 443,541 kediaman dan 192,779 pembeli.

Selangor negeri tertinggi iaitu 678 projek membabitkan 137,500 unit rumah dengan 63,163 pembeli, diikuti Johor 401 projek membabitkan 62,803 unit dan 14,559 pembeli.

Dalam statistik berasingan, KPKT turut menyenaraikan 370 projek perumahan kategori *landed* (bertanah) di seluruh negara yang dikategorikan sebagai projek sakit sehingga 14 April lalu.

Turut disenaraikan 109 projek perumahan kategori strata *high-rise* (bangunan bertingkat) di seluruh negara, manakala empat projek kediaman strata *landed*,

masing-masing tiga di Selangor dan satu dekat Pahang disenaraikan sebagai 'sakit'.

Namun, adalah kurang jelas sama ada 370 projek sakit kategori *landed* dan *highrise* ini termasuk dalam keseluruhan 580 projek sakit di bawah projek perumahan swasta yang berlesen berkenaan.

Sehingga semalam, usaha BH untuk menghubungi pegawai terbabit dalam KPKT bagi mendapatkan penjelasan tidak berhasil.

Februari lalu, KPKT dilapor mewujudkan *war room* khusus untuk mendepani isu berkaitan

perumahan, khususnya membabitkan projek sakit serta kelewatan pemaju menyiapkan projek.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Ismail Abdul Muttalib, dilapor berkata pendekatan itu tidak hanya membabitkan semua projek perumahan di bawah seliaan KPKT seperti PR1MA, Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), malah turut meliputi pemaju swasta.

Pelan mitigasi melalui *war room* itu adalah proses berfokus bagi menyelesaikan sebarang isu

kelewatan projek perumahan supaya ia dapat diselesaikan dengan tangkas, cepat dan terbaik.

Berdasarkan rekod KPKT, seramai 6,685 pembeli rumah dalam pembinaan mula membuat pembayaran kepada pihak bank, sehingga Februari lalu.

Bagi peminjam Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) pula, pembeli hanya akan memulakan pembayaran ansuran selepas dua tahun bagi rumah atas tanah dan tiga tahun bagi rumah strata dari tarikh perjanjian, yang sehingga kini membabitkan 1,133 pembeli.

BIL	NEGERI	JUMLAH PROJEK BERLESEN	PROJEK BELUM MULA		PROJEK LANCAR			PROJEK LEWAT			PROJEK SAKIT		
			Bil Projek	Unit rumah	Bil Projek	Unit rumah	Bil pembeli	Bil Projek	Unit rumah	Bil pembeli	Bil Projek	Unit rumah	Bil pembeli
1	PERLIS	26	5	844	20	804	487	0	0	0	1	16	16
2	KEDAH	261	25	4,604	200	22,084	11,525	8	731	432	28	3,310	1,805
3	PULAU PINANG	162	11	7,541	130	32,372	13,820	2	549	305	19	4,076	2,379
4	PERAK	451	49	8,560	306	40,918	18,194	24	2,186	908	72	8,975	4,599
5	SELANGOR	906	49	8,392	678	137,500	63,163	45	8,320	4,477	134	26,680	13,587
6	W. PERSEKUTUAN	203	20	17,585	137	89,671	50,915	5	3,560	2,276	41	19,300	11,149
7	NEGERI SEMBILAN	218	18	1,216	164	19,743	8,135	7	1,710	163	29	4,582	2,309
8	MELAKA	176	22	5,691	120	15,712	6,133	3	118	72	31	6,028	3,151
9	JOHOR	527	38	5,293	401	62,803	14,559	14	2,478	2,114	74	15,212	5,320
10	PAHANG	383	27	2,203	288	16,299	4,816	6	330	271	62	6,063	3,998
11	TERENGGANU	88	14	1,121	45	1,527	401	2	50	46	27	1,665	938
12	KELANTAN	134	6	2,110	63	4,108	631	3	43	41	62	6,225	1,749
JUMLAH		3,535	284	65,160	2,552	443,541	192,779	119	20,075	11,105	580	102,132	51,000

Sumber: Jabatan Perumahan Negara, April 2022

Berita Harian | 25 May 2022 | Page 1,8

Perolehan keperluan kesihatan untuk COVID-19

SPRM kesan rasuah, salah guna kuasa

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan wujud rasuah dalam pembelian peralatan perubatan dan ubat-ubatan untuk sektor perkhidmatan kesihatan negara ketika pandemik COVID-19 melanda negara sejak dua tahun lalu.

Selain rasuah dalam perolehan perkhidmatan perubatan, SPRM turut mengesan penyalahgunaan kuasa dalam pengagihan bantuan dan pakej rangsangan

serta penipuan berkaitan kualiti dan kuantiti peralatan perlindungan perubatan yang dibeli.

Turut disiasat rasuah membabitkan pegawai penguat kuasa yang ditugaskan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata perbuatan rasuah itu menunjukkan ada individu yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan untuk membuat wang haram daripada kesakitan dan tragedi yang menimpa orang ramai semasa pandemik.

Beliau berkata, banyak negara menghulurkan bantuan ekonomi dan Malaysia membuat pembelian perubatan peralatan atau perubatan melalui tabung kecemasan.

"Namun sangat menyedihkan, walaupun pandemik dan negara dalam keadaan kecemasan, beberapa pembelian ini terpalit dengan rasuah."

"Ini menunjukkan terdapat individu tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan membuat wang haram daripada kesakitan dan tragedi menimpa orang ramai."

"Siasatan dilakukan SPRM berhubung COVID-19, termasuklah rasuah dalam perolehan perkhidmatan perubatan, penyalahgunaan kuasa dalam mengagihkan bantuan dan pakej rangsangan."

Nasional 8



376 kertas siasatan dibuka, 415 tangkapan

Dari Muka 1

"Penipuan yang berkaitan dengan peralatan perlindungan perubatan yang dipalsukan (seperti pelitup muka, sarung tangan dan lain-lain) dari segi kuantiti dan kualiti peralatan perubatan yang lebih rendah."

"Turut disiasat rasuah membabitkan pegawai penguat kuasa ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya

ketika menyampaikan ucapan pada Forum Antirasuah Malaysia kali ketiga yang berlangsung di sini, semalam.

Sementara itu, Azam berkata, SPRM membuka sebanyak 376 kertas siasatan membabitkan 415 tangkapan berkaitan jenayah rasuah mengikut Akta Penggubahan Wang Haram dan Kanun Kesaksan dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Katanya, suku pertama tahun ini juga turut menyaksikan se-

banyak RM12.58 juta aset dirampas, manakala RM59 juta lagi dilucut hak.

"Sepanjang tahun lalu, sebanyak 829 kertas siasatan dibuka SPRM dan daripada jumlah itu, sejumlah 851 tangkapan dibuat dengan nilai aset dirampas adalah sebanyak RM162 juta, manakala RM5.13 bilion lagi dilucut hak," katanya.

Azam memberi komitmen SPRM akan terus mempergiatkan usaha membanteras rasuah

dan penyelewengan, termasuk mencari pendekatan baharu untuk memerangi perbuatan itu yang kini menjadi semakin kompleks kerana tipologi dan modus operandi yang sentiasa berubah.

"Sebagai contoh pada April 2021, SPRM menumpaskan sindiket yang menggodam sistem imigresen bagi mengeluarkan pas untuk pelawat dan pekerja sementara palsu dengan kerjasama Jabatan Imigresen," katanya.

Dalam operasi itu, 12 individu termasuk pegawai imigresen ditahan dalam operasi besar-besaran di 22 lokasi di Kuala Lumpur; selain membekukan 147 akaun bank membabitkan RM10 juta, hartanah bernilai RM11.87 juta dan 66 kenderaan bernilai RM13 juta juga dirampas.

Azam mendedahkan kegiatan rasuah itu sudah berlarutan sejak lima tahun lalu sehingga menyebabkan kerajaan kehilangan kutipan hasil yang banyak.

Berita Harian | 27 May 2022 | Page 1,19

Bekas Menteri Sabah kena penjara
tiga tahun, denda RM50,000

Nasional 19



Bekas Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah bersalah

**Anthony dipenjara
3 tahun, denda
RM50,000 palsu
surat kontrak
kerja di UMS**

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah, Datuk Peter Anthony dija-
tuhi hukuman penjara tiga tahun
dan denda RM50,000 oleh Mah-
kamah Sesyen semalam, selepas
didapati bersalah memalsukan
surat berhubung kontrak kerja
penyelenggaraan dan perkhid-
matan sistem mekanikal dan
elektrikal (M&E) di Universiti
Malaysia Sabah (UMS).

Keputusan dibuat Hakim Azu-
ra Alwi dengan hukuman penjara
bermula semalam dan Anthony
yang juga Ahli Dewan Undangan

Negeri (ADUN) Malalap boleh di-
penjara 15 bulan lagi sekiranya
gagal membayar denda terbahit.

Beliau berkata, keputusan itu
dibuat selepas pihak pembelaan
gagal menimbulkan keraguan
terhadap keterangan saksi pen-
dakwaan dan tiada bukti pertu-
duhan terhadap tertuduh itu ber-
motifkan politik.

"Keterangan dikemukakan se-
panjang perbicaraan menyatakan
bahawa kamu (Anthony) sebagai
Pengarah Urusan Asli Jati Sdn
Bhd (Asli Jati), membuat kontrak
kerja penyelenggaraan M&E di
UMS dan perkara itu tidak di-
nafikan pihak pembelaan.

"Terdapat keterangan mencu-
kupi bahawa tertuduh menipu
saksi pendakwaan ketiga, kela-
pan dan kesembilan dengan men-
gaburi pemikiran mereka men-
genai *smart partnership* (ker-
jasama strategik) antara pihak
universiti (Ulink Property Sdn
Bhd anak syarikat UMS) dan syar-
ikat milik Anthony iaitu Asli
Jati," katanya.

Saksi pendakwaan ketiga ialah



Anthony (tengah) hadir di Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Saifulizan Tamadi/BH)

rakan Anthony, Mohd Shukur
Mohd Din, manakala saksi pen-
dakwaan kelapan adalah Timba-
lan Naib Canselor (Akademik dan
Antarabangsa) UMS, Prof Dr Sha-
riff Abdul Kadir S Onang dan
saksi kesembilan adalah bekas
Pengerusi Ulink Property Sdn
Bhd, Datuk Abdullah Mohd Said.

Pendakwaan dikendalikan
Timbalan Pendakwa Raya, Datuk
Wan Shaharuddin Wan Ladin,
Haresh Prakash Somiah dan
Francine Cheryl Rajendram, ma-
nakala peguam, S Devanandan

mewakili Anthony.

Pada 14 Disember tahun lalu,
mahkamah memerintahkan An-
thony, 51, membela diri selepas
mendapati pihak pendakwaan
berjaya mewujudkan kes *prima
facie* terhadap tertuduh.

Pada 21 September 2021, pihak
pendakwaan menutup kes ber-
kenaan selepas 15 saksi dipanggil
memberi keterangan.

Saksi termasuk bekas Perdana
Menteri, Datuk Seri Najib Razak;
bekas Ketua Setiausaha Perben-
daharaan, Tan Sri Dr Mohd Ir-

wan Serigar Abdullah dan bekas
Ketua Hakim Negara, Tun Zaki
Azmi dipanggil memberi ketera-
ngan dalam perbicaraan bermu-
la April 2021.

Anthony didakwa memalsu-
kan surat pejabat Timbalan Naib
Canselor UMS bertarikh 9 Jun
2014 dengan memasukkan per-
nyataan palsu dengan niat me-
nipu di pejabat Ketua Setiausaha
Sulit Perdana Menteri di Perdana
Putra, Putrajaya antara 13 Jun
hingga 21 Ogos 2014.

Beliau juga berdepan pertu-
duhan pilihan iaitu sebagai Pen-
garah Urusan Syarikat Asli Jati,
menggunakan surat pejabat Tim-
balan Naib Canselor UMS ber-
tarikh 9 Jun 2014 dengan per-
nyataan palsu pada tajuk surat
itu di tempat dan masa sama.

Dalam pada itu hakim sema-
lam membenarkan permohonan
Devanandan menangguhkan hu-
kuman penjara terhadap anak
guamnya sementara menunggu
proses rayuan di Mahkamah
Tinggi, namun denda RM50,000
perlu dibayar segera.



Kes rasuah Lim Guan Eng

Nilai tanah ditukar lebih rendah banding kos kerja: Saksi

Kuala Lumpur: Mahkamah Sesyen di sini, semalam dimaklumkan bahawa nilai dua bidang tanah kerajaan negeri yang dipindah milik kepada syarikat Consortium Zenith BUCG Sdn Bhd (Consortium Zenith) sebagai 'balasan' kerja berkaitan projek pembinaan jalan utama dan terowong di Pulau Pinang, lebih rendah daripada kos kerja kajian kebolehlaksanaan projek berkenaan.

Perkara itu dicadangkan peguam Haijan Omar ketika menyoal dua saksi bekas Pegawai Penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Georgetown, pada perbicaraan kes rasuah dihadapi bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng.

Kedua-saksi terbabit adalah Zakariya Nayan yang kini bertugas sebagai pegawai penilaian di Jabatan Insolvency dan Nurul Asshima Aminullah, yang melakukan kerja penilaian ke atas tanah berkenaan.

Mereka yang membacakan pernyataan saksi masing-masing berkata, nilai dua bidang tanah di Lot 702 dan Lot 713 Bandar Tanjung Pinang masing-masing adalah RM50 juta dan RM30 juta.

Zakariya Nayan, 55, berkata beliau membuat penilaian ke atas Lot 702 berdasarkan nilai pasaran RM3,360 satu meter persegi pada Disember 2014, manakala Nurul Asshima, 33, memaklumkan menilai Lot 713 pada RM30 juta pada 2016.

Zakariya bersetuju dengan cadangan Haijan bahawa nilai tanah itu jauh lebih rendah berbanding kos kerja yang dilakukan syarikat pemaju yang dianggarkan pada RM138 juta.

Nurul Asshima juga bersetuju dengan cadangan peguam itu bahawa nilai Lot 713 adalah kurang daripada RM73 juta yang dibelanjakan pemaju untuk projek berkenaan.

Kedua-dua saksi bersetuju bahawa berdasarkan perkara berkenaan, kerajaan negeri mendapat manfaat yang besar dan tidak mengalami sebarang kerugian melalui perjanjian pertukaran tanah itu.

Bagaimanapun, saksi ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib ketika pemeriksaan semula berkata, mereka tidak mengetahui apakah bentuk kerja yang dilaksanakan oleh pemaju.

Dalam perbicaraan sebelum ini, bekas EXCO Pulau Pinang, Datuk Lim Hock Seng, 73, berkata mesyuarat yang dipengerusikan Guan Eng pada 11 Disember 2014 meluluskan pemberiilikan Lot 702 di Bandar Tanjung Pinang di Daerah Timur Laut di negeri itu kepada Consortium Zenith.

Guan Eng didakwa menggunakan kedudukannya sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang untuk menerima suapan wang berjumlah RM3.3 juta, dengan membantu syarikat milik Datuk Zarul Ahmad Mohd Zulkipli dilantik bagi melaksanakan Projek Pembinaan Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang yang bernilai RM6.3 juta.

Bagi pertuduhan pindaan kedua, Ahli Parlimen Bagan itu dituduh meminta suapan 10 peratus daripada keuntungan yang akan diperoleh daripada Zarul sebagai upah, bagi membantu syarikat milik ahli perniagaan itu dilantik untuk projek sama.

Guan Eng juga berdepan dua pertuduhan menyebabkan dua lot tanah milik kerajaan negeri Pulau Pinang bernilai RM208.8 juta dilupuskan kepada syarikat pemaju berkaitan projek terowong dasar laut di negeri berkenaan.

Perbicaraan di hadapan Hakim Azura Alwi bersambung 7 Jun depan.



Dua pembantu kesihatan direman lima hari bermula hari ini di Mahkamah Majistret, Shah Alam.
(Foto Falz Anuar/BH)

2 pembantu kesihatan disyaki rasuah

Shah Alam: Dua pembantu kesihatan di sebuah hospital kerajaan di sini ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki meminta dan menerima suapan kira RM15,000 seorang bagi urusan berkaitan kerja pengurusan jenazah sejak empat tahun lalu.

Dua lelaki masing-masing berusia 40 dan 42 tahun itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Selangor

sekitar jam 4.45 petang kelmarin.

Sumber memaklumkan, mereka dipercayai meminta dan menerima wang suapan RM300 daripada individu tertentu bagi setiap jenazah diuruskan, difahamkan sebagai balasan untuk pihak berkenaan terus mendapatkan kerja-kerja pengurusan jenazah bagi tempoh 2018 hingga 2021.

Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim mengesahkan

penahanan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

"Kedua-dua suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam untuk mendapatkan perintah tahanan reman," katanya semalam.

Majistret Nur Faizah Abdul Sani membenarkan kedua-dua suspek direman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes berkenaan selepas mendengar permohonan SPRM.

Berita Harian | 28 May 2022 | Page 14

Gesa audit khas perolehan, perbelanjaan COVID-19

Pengauditan perlu disegera, hasil dibentang bolehkan PAC kenal pasti unsur penyelewengan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Audit Negara (JAN) diminta menjalankan pengauditan khas terhadap perolehan dan perbelanjaan kerajaan bagi perkhidmatan perubatan ketika negara berdepan wabak COVID-19.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Wong Kah Woh, berkata pengauditan khas itu perlu disegerakan dengan dapatan dan hasil dibentangkan supaya PAC dapat mengenal pasti wujud

unsur penyelewengan, pemborosan dan penyalahgunaan kuasa dalam perolehan perkhidmatan itu.

"PAC memandang serius kenyataan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki pada 24 Mei lalu, agensi penguat kuasa terbabit sedang menjalankan siasatan terhadap perolehan perkhidmatan perubatan, penyalahgunaan kuasa dalam mengalihkan bantuan serta pakej rangsangan yang diberikan kerajaan.

"Sebagai sebuah Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat yang mempunyai mandat memeriksa perbelanjaan kerajaan supaya ia

PAC tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba mengaut keuntungan demi kepentingan peribadi

Wong Kah Woh,
Pengerusi PAC



mematuhi undang-undang, peraturan kewangan kerajaan yang berkuat kuasa, syarat kontrak dan pembayaran dilaksanakan dengan teratur, PAC tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba mengaut

keuntungan demi kepentingan peribadi," katanya dalam kenyataan semalam.

Kah Woh berkata, dengan pengauditan khas itu PAC akan menggunakan punca kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 77(1)(d) dan Peraturan Mesyuarat 77(5) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Seksyen III, Perakara 11 (b), Pekeliling Am No 2 (1982) untuk memanggil Kementerian Kewangan, SPRM serta kementerian atau agensi yang terbabit memberikan taklimat dan penjelasan.

SPRM pada Selasa lalu mendedahkan suruhanjaya berkenaan mengesan beberapa pembelian untuk sektor perkhidmatan kesihatan negara ini ketika pandemik COVID-19 melanda, terpalit dengan rasuah.

Azam dilaporkan berkata, perbuatan itu menunjukkan ada individu yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan untuk membuat wang haram daripada kesakitan dan kemalangan orang ramai.

